

# SIDANG DUN KELANTAN

## Dun Kelantan lulus Belanjawan 2018 tanpa kehadiran pembangkang

KOTA BHARU - Sidang Dun Kelantan semalam meluluskan Belanjawan 2018 dengan ketidakhadiran wakil pembangkang.

Ia ekoran tindakan Adun BN memboikot sesi penggulangan sebelah pagi setelah Ketua Pembangkang, Datuk Nozula Mat Diah dihalau dari Dewan.

Cadangan kelulusan belanjawan itu dibuat Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob dan disokong Timbalannya, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Dun Kelantan diwakili 31 Adun Pas, 11 BN manakala satu Amanah dan PKR. Seorang lagi Adun BN (Nenggiri), Mat Yusoff Abd Ghani sebelum ini diisytihar-

kan bankrap.

Kelmarin, Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob membentangkan belanjawan defisit iaitu RM41.74 juta iaitu menurun berbanding RM42.65 juta pada 2017.

Belanjawan yang bertemakan Kelantan Sejahtera Untuk Islam ini juga memberi tumpuan dalam penambahbaikan empat teras utama iaitu keberkatan, kemakmuran, keadilan dan kecekapan.

Anggaran hasil 2018 dijangka diperolehi sebanyak RM696.90 juta yang meliputi hasil cukai sebanyak RM182.88 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM355.58 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM158.44 juta.

## 'Saya juga boikot': Husam

KOTA BHARU - Adun Salor, Datuk Husam Musa menyifatkan tindakan Speaker menghalau Ketua Pembangkang Dun, Datuk Nozula Mat Diah sebagai keterlaluan.

Sambil melahirkan kecewa dengan tindakan itu, Husam mempersoalkan seringkali persidangan Dun diadakan, kerajaan negeri dilihat mahu ia ditamatkan awal.

"Setiap kali bersidang, Dun Kelantan terkejut-kejut untuk bersurai.

"Apa yang menyebabkan Kerajaan Kelantan terburu-buru tak menentu?" soalnya dalam satu kenyataan semalam.

Husam yang juga Naib Presiden Amanah berkata, Dun Pahang yang dikuasai Umno boleh bersidang sampai tujuh hari untuk sidang belanjawan.

"Atas solidariti pembangkang, saya turut memboikot penggulangan perbincangan," katanya.

## Air mata Nozula dianggap lakonan

KOTA BHARU - Air mata Ketua Pembangkang Datuk Nozula Mat Diah dianggap sebagai 'lakonan' pada hari terakhir sidang Dun (Belanjawan) semalam.

Timbalan Speaker Dun, Abdul Latif Abdul Rahman berkata, lakonan air mata Adun Paloh tersebut dipercayai dibuat untuk menghentam pihak kerajaan pada ceramah-ceramah selepas sidang Dun nanti, atau memang sengaja dibuat kerana mahu pulang awal dari persidangan.

"Semasa sesi perbincangan Bajet 2018 hari ini (semalam), 10 Adun mengambil bahagian. Bermula dengan Adun Melor, Gual Perok, Ayer Lanas, Selising, Gaal, Perupok, Tendong, Kok Lanas, Salor dan berakhir dengan Kelaboran.

"Setelah tamat perbincangan Adun Kelaboran, tiada seorang ahli Dewan bangun untuk buat perbincangan termasuk Nozula, bahkan sepanjang tempoh perbincangan bajet, tidak pula kelihatan Adun Paloh bangun untuk meminta laluan, sama ada sewaktu Speaker mengendalikan persidangan ataupun saya," katanya.

Abdul Latif yang juga Adun Mengkebang berkata, seingatnya, Nozula pernah bangun mencelah (tanpa kebenaran) sewaktu Adun Tendong sedang berucap dan beliau ada membuat teguran supaya tidak boleh mencelah, kecuali dengan kebenaran Speaker serta meminta beliau mengambil bahagian dalam perbincangan.

"Sekitar jam 4.30 petang ini (semalam), Adun Kelaboran menamatkan ucapan perbincangan beliau dan tidak seorang pun ahli Dewan bangun. Bermakna, ucapan Adun Kelaboran adalah ucapan perbincangan bajet

terakhir daripada ahli Dewan.

"Pagi ini (semalam), selepas persidangan disambung jam 11.20 pagi, Speaker menjemput pihak kerajaan atau Exco untuk buat penggulangan dan tiba-tiba, Nozula bangun untuk berucap, namun Speaker tidak bersetuju kerana 'sesi perbincangan sudah tamat,' katanya.

Setelah lebih tiga kali Speaker meminta Nozula duduk, beliau tetap berkeras tidak mahu duduk, menyebabkan akhirnya Speaker terpaksa menggunakan Peraturan Dewan 51(2) iaitu 'mengundurkan' Paloh dari Persidangan Dewan.

"Sebelum itu Adun Kelaboran cadangkan dirujuk kepada Peraturan Dewan 47(1), iaitu hendaklah patuh kepada Speaker dengan serta-merta dan duduk dengan segera.

"Jadi, tidak timbul Speaker tidak beri peluang beliau berucap, bahkan tuduhan beliau Speaker tidak berlaku adil adalah tidak benar sama sekali kerana daripada 10 Ahli Dewan yang berbahas, empat Adun adalah pembangkang," katanya.

Menurutnya, pada sesi petang semalam, ada satu lagi Rang Undang-Undang akan dibentangkan iaitu Rang Undang-Undang Perubanjaya Tanah, yang mana, ahli Dewan masih ada peluang dan dibenarkan untuk membuat perbincangan.

"Namun, semua Adun BN sudah keluar bersama-sama Nozula, bermakna mereka tidak mahu ambil bahagian dalam perbincangan kerana sehingga jam 3 petang, tiada seorang pun Adun pembangkang berada dalam Dewan," katanya.

# Nozula menangis dalam Dewan

Sidang Dun hari terakhir semalam panas apabila Datuk Nozula Mat Diah dihalau dari Dewan

MOHD ZAILANI ABD RAHMAN

KOTA BHARU - Sidang Dun hari terakhir semalam sedikit panas apabila dipaliti isu Ketua Pembangkang Dun, Datuk Nozula Mat Diah dihalau dari Dewan.

Tindakan itu dilakukan oleh Speaker, Datuk Abdullah Yakob setelah Adun Paloh itu tidak menghiraukan amaran supaya tidak membuat ucapan ketika sesi penggulangan yang dilakukan oleh Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Ramli Mamat.

Terdahulu, Nozula memohon Speaker agar memberi kebenaran kepada beliau untuk berucap selaku ketua pembangkang sebelum Dun berakhir semalam.

Pemimpin veteran BN Kelantan yang baru sembuh dari serangan strok itu kelihatan beberapa kali sebak dan mengalirkan air mata apabila Abdullah bertegas untuk tidak mem-

benarkan beliau berucap.

"Yang terhormat Speaker, ambo (saya) minta izin nak kecek (bercakap) sikit saja sebagai mewakili rakyat. Speaker tolong beri.

"Tolong beri peluang kepada saya, sebagai ketua pembangkang takkan tidak kecek dan saya tak akan duduk kalau saya tak puas hati. Saya menghormati Speaker. Kalau itu tugas Speaker, berarahan kepada saya, insha-ALLAH Tuhan akan balas," katanya sambil

menangis teresak-esak.

Setelah lima mimit pertikaian lidah berlaku, tindakan Nozula yang enggan duduk dan membenarkan kepada ucapan Exco menyebabkan Abdullah mengarahkan Benmara menghalau beliau keluar Dewan.

Dalam pada itu ketika ditemui di luar Dewan, Nozula akui kesal dengan tindakan Speaker kerana tidak memberi peluang kepadanya berucap.

"Saya dukacita dengan perbuatan Datuk Speaker yang

sepertinya memberi peluang kepada saya untuk gulung perbincangan dan juga memberitahu perkara bersangkutan untuk kepentingan rakyat, tetapi mereka menolak.

"Hanya tiga orang Adun

BN berucap, kenapa tidak memberi peluang kepada saya," soalnya sebak.

Susulan itu, empat Adun BN yang mengikuti sesi penggulangan itu iaitu Mat Razi Mat Ail (Pengkalan Kubor), Datuk

Ramzi Ab Rahman (Dabong), Ab Aziz Yusoff (Galas) dan Zulkifli Ali (Selising) bertindas keluar sebagai membantah keputusan Dewan dan tidak menghadiri sesi penggulangan Bajet 2018.

## 'Saya sudah berlaku adil'

KOTA BHARU - Speaker Dun Kelantan, Datuk Abdullah Yakob menegaskan, beliau sudah berlaku adil kepada semua pihak dalam memastikan sidang Dewan berjalan lancar.

Katanya, empat daripada 10 Adun yang diberi peluang membicarakan belanjawan semalam adalah pembangkang, sekaligus membuktikan beliau tidak memihak kepada mana-mana pihak.

"Kalau ikut nisbah daripada 45 adun, 14 sahaja pembangkang tapi saya bagi empat wakil pembangkang berucap," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau ikut nisbah demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pembangkang Dun, Datuk Nozula Mat Diah yang mendakwa Speaker tidak berlaku adil kerana tidak

membenarkan beliau berucap sehingga menyebabkannya dihalau Dewan.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, beliau tidak membenarkan Nozula berucap kerana Dewan sudah memasuki agenda penggulangan.

Katanya, dalam tempoh itu, sekiranya Adun mahu mencelah mereka seharusnya mendapat kebenaran speaker untuk meneruskan ucapan.

"Susunan urusan sudah dibuat, maka saya tak akan undur lagi. Ini kredibiliti Speaker dan Dewan itu sendiri.

"Tetapi (Nozula) sengaja lakukan bagi menunjukkan kekerasan dan melanggar peraturan Dewan hanya untuk menunjukkan populariti," katanya.



Pemimpin veteran BN Kelantan itu sebak dan mengalirkan air mata apabila Speaker bertegas tidak membenarkan beliau berucap.